

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.**

1.	TAJUK	MONSUN TIMUR LAUT BERMULA KHAMIS INI HINGGA MAC2026
	SUMBER	BH (11 NOVEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	8 (NASIONAL)

Monsun Timur Laut bermula Khamis ini hingga Mac 2026

METMalaysia minta orang ramai siap sedia hadapi episod hujan lebat

Oleh Hidayah Azman
hhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Monsun Timur Laut (MTL) 2025/2026 dijangka bermula Khamis ini dan berterusan sehingga Mac tahun depan.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia), Dr Mohd Hisham Mohd Anip, berkata dalam tempoh MTL itu, lima hingga tujuh episod hujan lebat berterusan dijangka berlaku.

"Hujan lebat berterusan untuk tempoh beberapa hari boleh mengakibatkan kejadian banjir di kawasan berhampiran sungai dan berkedudukan rendah. Tiupan angin timur laut secara berterusan dan kencang boleh menyebabkan laut bergelora dan risiko kenaikan paras laut di perairan Laut China Selatan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mohd Hisham berkata, orang ramai dinasihatkan untuk ber-

siap sedia menghadapi episod hujan lebat MTL dengan sentiasa peka kepada maklumat, nasihat, ramalan dan amaran cuaca yang dikeluarkan oleh METMalaysia.

METMalaysia turut mengeluarkan nasihat berkaitan Taufan Fung-wong yang dikesan berada kira-kira 129 kilometer (km) ke barat daya Vigan City, Filipina, awal pagi semalam.

Dalam kenyataan semalam, METMalaysia memaklumkan taufan itu bergerak ke arah barat laut dengan kelajuan 30 kilometer sejam (km/j), dengan kelajuan angin maksimum direkodkan pada 120 km/j.

"Taufan Fung-wong kini berada pada kedudukan latitud 17.4 darjah utara dan longitud 119.2 darjah timur, kira-kira 1,196km ke timur laut Kudat, Sabah," menurut kenyataan itu.

Kedua itu boleh menyebabkan angin kencang dan laut bergelora di beberapa kawasan perairan Laut China Selatan.

Waspada risiko bencana
Sementara itu, Ketua Kluster, Kelestarian dan Kesihatan Bumi, Akademi Profesor Malaysia (APM), Prof Emeritus Datuk Dr Ibrahim Komoo, berkata orang ramai perlu berwaspada dengan

risiko tanah runtuh dengan memerhatikan tiga keadaan.


Beliau berkata, yang pertama, orang ramai perlu waspada dengan kawasan pernah berlaku tanah runtuh kerana runtuhan susulan boleh berlaku lagi jika hujan lebat berpanjangan.

Selain itu, katanya, orang ramai juga perlu berhati-hati ketika melalui kawasan yang bercerun curam di laluan kawasan perumahan atau berbukit atau lurah.

Katanya, orang ramai juga perlu memerhatikan tanda awal tanah runtuh seperti pokok condong, parit makan mengecil, selain rekahan pada dinding, lantai atau jalan ter-

masuk kejadian runtuhan kecil seperti tanah dan batu jatuh yang semuanya menjadi petunjuk kepada ketidakstabilan cerun.

"Air hujan atau sir larian boleh menjadi faktor pencetus kegagalan cerun dan antara satu faktor penyebab tanah runtuh. Kawasan yang berisiko tanah runtuh telah dikenal pasti oleh bahagian cerun Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG). Bagi masyarakat awam, mereka boleh berwaspada mengenai risiko ta-



Orang ramai perlu peka kepada maklumat, nasihat dan amaran cuaca dikeluarkan METMalaysia sepanjang Monsun Timur Laut. (Foto hiasan)

nah runtuh dalam tiga keadaan itu," katanya.

Beliau berkata, kejadian tanah runtuh di cerun buatan serta gelinciran tanah dan aliran puing di cerun semula jadi menjadi antara punca utama bencana di negara ini yang mengakibatkan kemusnahan harta benda serta kehilangan banyak nyawa.

"Pendidikan dan kesedaran awam berkaitan tanah runtuh adalah perkara penting yang perlu dilaksanakan oleh agensi bertanggungjawab. Komuniti disarankan untuk lebih cakna di kawasan tempat tinggal mereka yang berada dalam zon berisiko tanah runtuh atau sebaliknya," katanya.

2.	TAJUK	AMARAN BENCANA ALAM LUAR BIASA LEBIH KERAP
	SUMBER	BH (11 NOVEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	26 (DUNIA)



Bot nelayan rosak akibat dibadai Taufan Kalmaegi, di Vietnam. (Foto REUTERS)



Pemandangan dari udara menunjukkan rumah yang musnah akibat banjir susulan Taufan Fung-wong di sebuah kampung di pekan Tuao, wilayah Cagayan, semalam. (Foto AFP)

Amaran bencana alam luar biasa lebih kerap

Singapura: Saintis memberi amaran bencana alam luar biasa seperti Taufan Kalmaegi yang paling dahsyat membadai Vietnam tahun ini, selepas membadai Filipina awal minggu lalu, akan berlaku lebih kerap susulan pemanasan global.

Sekurang-kurangnya 188 mangsa terkorban di seluruh Filipina akibat taufan itu, yang turut menyebabkan kemusnahan besar infrastruktur serta kawasan pertanian di kepulauan itu.

Ribut itu turut memusnahkan rumah dan menumbangkan pokok apabila melewati Vietnam tengah lewat Khamis lalu. Jejak Taufan Kalmaegi berla-

ku serentak persidangan perubahan iklim di Belem, Brazil, yang menghimpunkan perwakilan lebih 190 negara.

Kumpulan penyelidik berkata, kegagalan pemimpin dunia mengawal pelepasan gas rumah hijau menyebabkan kekuatan ribut semakin ganas.

Menurut Penyelidik Cuaca Ekstrem di Institut Grantham bagi Perubahan Iklim dan Alam Sekitar di London, Ben Clarke, suhu permukaan laut di barat Lautan Pasifik Utara dan Laut China Selatan kini luar biasa tinggi.

"Taufan Kalmaegi menjadi lebih kuat dan membawa lebih banyak hujan disebabkan pe-

ningkatan suhu laut ini dan trend pemanasan laut jelas sekali berpunca daripada pemanasan global yang disebabkan manusia," katanya.

Walaupun tidak menyatakan perubahan iklim berpunca daripada satu kejadian cuaca sahaja, saintis berkata, secara prinsipnya suhu permukaan laut yang lebih panas mempercepatkan proses penyejatan dan membekalkan lebih 'bahan api' kepada taufan tropika.

Menurut Penyelidik di Universiti Nasional Singapura, Gianmarco Mengaldo, perubahan iklim meningkatkan intensiti taufan, terutama melalui pemanasan permukaan laut dan pening-

katan kandungan kelembapan atmosfera.

"Walaupun ini tidak bermakna setiap taufan akan menjadi lebih kuat, kemungkinan ribut dahsyat menunjukkan intensiti lebih tinggi.

"Hujan lebat dan angin kencang akan bertambah kuat dalam iklim yang lebih panas," katanya yang turut menulis kajian mengenai peranan perubahan iklim dalam Taufan Ragasa pada September lalu.

Tahun lalu, Filipina dilanda enam taufan maut dalam tempoh sebulan dan dalam kejadian jarang berlaku pada bulan ini, empat puing belung tropika terbentuk serentak, menunjuk-

kan ribut kini mungkin berlaku dalam jangka masa lebih singkat.

Bagi penyelidik ribut tropika, Feng Xiangbo, walaupun Taufan Kalmaegi bukan paling kuat tahun ini, ia menambah kesan cuaca melampau selama berbulan-bulan di Asia Tenggara.

Ribut berlaku secara berturut-turut boleh menyebabkan kerosakan lebih besar kerana tanah tepu dengan air, sungai melimpah dan infrastruktur lemah.

Feng dan Mengaldo memberi amaran lebih banyak kawasan berisiko apabila ribut terbentuk di lokasi baharu dan menjadi lebih dahsyat. AFP

3.	TAJUK	LAPORAN EIA PASTIKAN PEMBANGUNAN TIDAK ROSAKKAN ALAM SEKITAR
	SUMBER	HM (11 NOVEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	9 (LOKAL)

Oleh Nor Syuzrina Muhammad Tahir
nsyuzrina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Projek pembangunan yang dijalankan tanpa Penilaian Kesan Alam Sekeliling (EIA) boleh mencetuskan pencemaran serius, merosakkan ekosistem dan menjejaskan kehidupan masyarakat sekeliling.

Pegawai Kawalan Alam Sekitar Kanan, Seksyen Mitigasi dan Bot EIA Bahagian Penilaian Jabatan Alam Sekitar (JAS), Mohammad Rahimi Dollah berkata, EIA berfungsi sebagai mekanisme pencegahan awal bagi memastikan pembangunan yang dirancang tidak mengancam alam sekitar.

"Walaupun begitu, tidak semua pembangunan memerlukan penyediaan dan keluasan Laporan EIA.

"Hanya aktiviti pembangunan yang dikategorikan sebagai aktiviti yang ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) (Aktiviti Yang Ditetapkan) 2015.

"Atau mudahnya disebut Perintah EIA 2015 sahaja perlu mengemukakan Laporan EIA kepada JAS sebagaimana keperluan di bawah Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974," katanya kepada Harian Metro.

Mengulas lanjut, beliau berkata, antara aktiviti yang tertakluk dalam Jadual Pertama dan Kedua Perintah EIA termasuk perlombongan di kawasan sensitif, pembangunan perumahan melebihi 50 hektar, pembinaan lebuh raya dan aerodrom.

Jelasnya, aktiviti berkenaan, dikenal pasti berpotensi memberi kesan besar terhadap alam sekitar dan sosioekonomi penduduk setempat.

"Pemaju projek atau industri yang berhasrat menjalankan pembangunan perlu melantik perunding berdaftar dengan alam sekitar untuk menyediakan Laporan EIA.

"Laporan lengkap perlu dikemukakan kepada JAS untuk diproses dalam tempoh 25 hari bagi EIA Jadual Pertama dan 60 hari bagi EIA Jadual Kedua.

"EIA tidak berakhir selepas keluasan kerana ia diluluskan secara bersyarat. Selepas itu, ia disusuli dengan Pelan Pengurusan Alam Sekitar yang memperincikan program pemantauan dan pengurusan sepanjang tempoh pembinaan dan operasi bagi memastikan semua langkah



MOHAMMAD Rahimi (kiri) dan Nur Lizrin (tua dari kiri) ketika temu bual podcast Apa-Apa Saja Harian Metro di Balai Berita Bangsar, Kuala Lumpur.

Laporan EIA pastikan pembangunan tidak rosakkan alam sekitar

JAS fokus kurangkan risiko pencemaran, kemusnahan akibat projek pemaju



Pemaju projek atau industri yang berhasrat menjalankan pembangunan perlu melantik perunding berdaftar dengan alam sekitar untuk menyediakan Laporan EIA"

Mohammad Rahimi

meluluskan.

"Bukan itu sahaja, dengan mengenal pasti kesan negatif pada peringkat awal, laporan ini membolehkan langkah mitigasi dirancang dan dimasukkan ke dalam reka bentuk projek.

"Ini penting untuk mengelakkan dan mengurangkan risiko kemusnahan alam sekitar serta masalah pencemaran semasa pelaksanaan projek pada masa hadapan," katanya.



Laporan ini juga akan memperincikan langkah kawalan dan mitigasi ke atas alam sekitar sebelum projek pembangunan diluluskan oleh pihak yang meluluskan"

Nur Lizrin

Mengulas berkenaan kesan sesuatu projek dilaksanakan tanpa menjalani proses EIA, beliau berkata, kesan kepada alam sekitar tidak dapat dijangka dan diramal dengan lebih awal dari segi potensi serta magnitudnya.

Katanya, pencemaran tidak dapat dibendung lebih awal dan menyebabkan berlakunya kerosakan kepada ekosistem, peningkatan kos pembaikan, kehilangan harta benda serta peningkatan konflik hidupan liar atau manusia.

"Pentingnya pameran Awam memainkan per-

media cetak, elektronik atau sosial.

Nur Lizrin menambah, pameran awam bagi laporan EIA Jadual Kedua juga memberikan masyarakat peluang meneliti dokumen secara menyeluruh dan memberi maklum balas sebelum laporan diluluskan, sekali gus meningkatkan ketelusan serta membolehkan pemilik projek berinteraksi dengan komuniti yang terjejas.

"Kami juga mewujudkan skim Pendaftaran Jururunding EIA memastikan hanya individu yang bertauliah dan berdaftar sahaja yang boleh menyediakan Laporan EIA. Ini secara tidak langsung meningkatkan profesionalisme dan kualiti laporan.

"Penerbitan garis panduan, manual dan prosedur operasi standard (SOP) yang komprehensif berkaitan EIA bagi memudahkan pihak industri (penggerak projek) serta perunding memahami keperluan dan proses EIA dengan jelas dan seragam," katanya.

4.	TAJUK	MERUBAH WAJAH SUNGAI BEKOK : KERJA PEMBERSIHAN SIAP 4 DISEMBER INI
	SUMBER	HARIAN METRO (11 NOVEMBER 2025)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	12 (LOKAL)

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

Batu Pahat

Sungai Bekok yang dipenuhi rumput akan berubah wajah, susulan kerja pembersihan yang giat dijalankan di sepanjang sungai itu.

Kerja pembersihan sungai bermula sejak hujung bulan lalu bagi mengelak sebarang kesulitan termasuk risiko banjir terutama ketika monsun.

Exco Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, Ling Tian Soon berkata, pihaknya mengarahkan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri melakukan pembersihan sungai itu dengan segera untuk memastikan aliran lancar dan mengurangkan risiko bencana.

"Kerja ini dilaksana sejauh empat kilometer Sungai Bekok, yang mana ia sudah dijalankan sejak hujung Oktober lalu.

"Ia juga dijangka mengambil masa enam minggu dan mungkin siap 4 Disember depan. Semakan mendapati, kawasan pembersihan termasuk dalam kawasan yang diadukan penduduk setempat.

"Kami sentiasa cakna kerana kawasan ini berisiko banjir, justeru saya sendiri sudah mengarahkan JPS melakukan pemantauan dan pembersihan segera di sungai itu," katanya kepada Harian Metro.

Ling berkata, Sungai Be-

MERUBAH WAJAH SUNGAI BEKOK

Kerja pembersihan siap 4 Disember ini



KERJA pembersihan giat dijalankan di sepanjang Sungai Bekok, Batu Pahat.

kok menjadi nadi serta ekopelancongan setempat ke-

rana kaya dengan sumber alam.

"Sungai Bekok adalah habitat pelbagai jenis ikan, se-

lain mempunyai tarikan daripada segi pemandan-



Saya sendiri sudah mengarahkan JPS melakukan pemantauan dan pembersihan segera di sungai itu"

Ling

ngan yang unik.

"Dalam Belanjawan 2026, Sungai Bekok disenaraikan untuk naik taraf landskap serta pembinaan taman tema mini air fasa pertama di bawah Taman Rekreasi Sungai Bekok," katanya.

Sementara itu, Majlis Daerah Yong Peng (MDYP) dalam kenyataan menjelaskan pihaknya sudah menggariskan beberapa pelan untuk pembangunan Sungai Bekok bagi tempoh 2025 hingga 2035.

"Perancangan Pelan Induk Landskap MDYP akan menekankan kelebihan Sungai Bekok bagi dibangunkan dan dipromosikan sebagai tarikan pelancongan di Yong Peng.

"Dalam pelan itu, MDYP menekankan konsep bandar maju, perkhidmatan dinamik, modal insan berkeyakinan serta prihatin," katanya.

Sebarang masalah di kawasan anda boleh dikongsi ke e-mel Suara Anda, Kami Dengar di am@hmetro.com.my

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**